



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/6/2011

Pemilihan pucuk pimpinan Pas dan masalah songkok

SELURUH negara memberi tumpuan terhadap Muktamar Tahunan Pas kali ini yang mana akan berlangsung pemilihan pucuk pimpinan parti, yang menyaksikan pertembungan antara kumpulan ulama dan pro Anwar Ibrahim.

Blog MyKMU (mykmu.net) berkata, Pas cuba menyembunyikan fakta tentang wujudnya perpecahan dalam parti itu serta kekecohan menjelang pemilihan kali ini terutama melibatkan jawatan timbalan dan naib presiden.

Katanya, memandangkan perebutan dua jawatan tertinggi itu paling sengit dalam sejarah parti tersebut, sudah tentu akan wujud permainan kotor, kempen secara gelap dan agenda-agenda dari belah yang boleh memecah-belahkan Pas.

"Hakikat ini tentunya diakui oleh pihak perwakilan yang bakal bersidang esok (hari ini). Cuma kepimpinan Pas saja yang tidak mahu mengaku," katanya.

Hambali Abdul Latiff (hambali.blogspot.com) pula membidas Pas yang selama ini menuduh UMNO sebagai tidak telus, tidak demokrasi dan sering menggunakan taktik kotor tetapi realitinya hal yang sama turut berlaku dalam Pas.

Beliau memetik komen seorang pembaca *MalaysiaKini*, Akhi Fairuz Al-Jengkari yang mendakwa salah seorang pemimpin parti itu telah disabotaj dan berlakunya kempen secara gelap ketika berlangsungnya muktamar di peringkat Pemuda.

"Memang benar, nampak jelas sekali tayangan video klip berbau kempen. Saya tertanya-tanya adakah selepas ucapan berapi oleh ustaz Tuan (Tuan Ibrahim Tuan Man) akan munculnya ucapan dari ustaz Nasha (Nasharudin Mat Isa), namun tidak ada (tetapi) terns kepada ucapan Presiden.

"Kesian ustaz Nasha. Sudahlah ada di pentas, menoleh senget ke arah skrin di kiri kanan nak melihat montaj itu. Akhirnya

tidak ada paparan tentangnya," kata blog ini yang memetik komentar Akhi Fairuz.

Bagi jawatan Timbalan Presiden, Tuan Ibrahim menghadapi saingan penyandangannya, Nasharudin dan Mohamad Sabu.

Blog pro-Pas, Wfauzudin NS (wfauzudin.blogspot.com) pula membidas saranan Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib yang mahukan parti itu tidak terlalu mengikut rentak dan terlampau meraikan rakan sekutu dalam pakatan pembangkang bagi menjaga identiti dan jati diri Pas sebagai sebuah parti Islam.

Beliau berkata, jika benar imej Pas semakin terjejas sejak berada dalam pakatan pembangkang, punca dan penyebab berlaku perkara tersebut perlu dicari tetapi jika tidak, kenyataan Harun dianggap tidak berasas.

"Jelas, sama ada cara itu betul atau tidak, Ketua Dewan Ulama Pas itu telah berkempen agar Mohamad Sabu tidak terpilih.

"Datuk Harun Taib bukan sahaja berucap

'melakukan' rakan sekutu dari PR (pakatan pembangkang), tetapi turut melukakan hati tokoh Pas sendiri iaitu Mohamad Sabu.

"Saya yakin tidak semua setuju dengan ucapan yang kurang bijak itu," katanya.

Sementara itu, satu lagi blog Mohd. Sayuti Omar (msomelayu.blogspot.com) mempersoalkan beberapa pemimpin Pemuda Pas yang mengenakan songkok ketika menghadiri muktamar Pemuda kelmarin dan bukannya kopiah.

"Disebabkan ini saya rasa ia semacam tercemar sedikit pentas Pas itu apabila ada titik hitam di tengah-tengah lebaran putih bersih," katanya.

Kata beliau, apakah pemakaian songkok tersebut menggambarkan bahawa hati mereka juga ke arah lain atau kerana mereka merasakan lebih profesional berbanding yang lain.

Sehubungan itu, blog Media Permatang Pauh (mediapermatangpauh.blogspot.com)

telah membidas kenyataan Mohd. Sayuti seolah-olah memakai songkok sebagai melakukan perkara yang haram.

Katanya, beliau tidak menyangka begitu jumud pemikiran orang Pas sehinggalah meletakkan kopiah sebagai pakaian rasmi Pas manakala songkok pula sebagai gambaran berkaitan UMNO.

Sedangkan kenyataannya, pemakaian kopiah dan serban di kalangan orang Pas bagi menunjukkan mereka lebih Islamik dan lebih beriman berbanding Muslim lain di negara ini.

"Setakat serban je atas kepala kononnya nak ikut nabi, tapi mulut dan percakapan mereka macam ahli neraka pun tak guna.

"Serban atas kepala tapi mulut macam puaka. Bukankah itu menghina agama dan menjatuhkan imej Islam?" katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my